

KWSP peroleh RM4.1b suku tahun pertama

U.M 21/06/09 MIS 9

KUCHING 20 Jun - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperoleh pendapatan pelaburan sebanyak RM4.1 bilion bagi suku pertama tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 7.7 peratus berbanding RM3.8 bilion pada suku keempat tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Samsudin Osman berkata, ini menunjukkan pulangan pelaburan KWSP bagi suku pertama tahun ini mencatatkan prestasi yang lebih baik.

Bagaimanapun, katanya, KWSP menjangkakan 2008 menjadi tahun yang mencabar bagi mereka memandangkan suasana ekonomi global yang tidak menentu.

"KWSP akan berusaha keras bagi

memastikan kita mencapai prestasi pelaburan sama seperti tahun lepas," katanya dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian Bangunan KWSP Sarawak di sini hari ini.

Perasmian disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Turut hadir Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Penggalakan dan Pembangunan Estet-Estet Perindustrian Sarawak, Datuk Daud Abdul Rahman.

Dalam pada itu, Samsudin berkata, KWSP akan terus mengambil peluang untuk memperluaskan lagi portfolionya dalam bidang hartanah.

Katanya, ia merupakan inisiatif KWSP untuk menjana keuntungan

yang lebih tinggi serta meningkatkan simpanan persaraan ahli-ahlinya.

"Meskipun pelaburan hartanah berpotensi memberikan pulangan tinggi, KWSP akan sentiasa berhati-hati kerana KWSP merupakan pemegang amanah simpanan persaraan ahlinya," ujar beliau.

Samsudin memberitahu, sehingga Disember 2007, jumlah pelaburan KWSP dalam sektor hartanah telah mencecah RM1.8 bilion iaitu 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan lembaga itu yang berjumlah RM312.8 bilion.

Beliau menjelaskan, hasil pendapatan pelaburan bagi sektor hartanah untuk tahun 2007 pula adalah sebanyak RM56.9 juta.

KWSP benar ahli keluarga pencaerum tambah simpanan

KUCHING 20 Jun - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membenarkan ahli keluarga pencaerum menambah simpanan Akaun 1 ahlinya, bermula 1 Julai ini.

Pengerusinya, Tan Sri Samsudin Osman berkata, mereka boleh menambah simpanan tersebut pada bila-bila masa dengan membuat bayaran secara tunai mahupun cek.

"Kemudahan ini diperkenalkan dengan tujuan untuk meningkatkan simpanan persaraan ahli dan juga untuk menerapkan nilai-nilai murni kekeluargaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Bangunan KWSP Sarawak di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Penggalakan dan Pembangunan Estet-Estet Perindustrian Sarawak, Datuk Daud Abdul Rahman.

Sementara itu, Samsudin turut memberitahu, KWSP akan membenarkan pencaerum bukan Islam membuat tuntutan harta perkahwinan ke atas simpanan KWSP melalui

perintah mahkamah bermula 1 Julai ini.

Beliau berkata, dengan kebenaran itu, pihaknya akan memindahkan jumlah yang diminta ke akaun penuntut di KWSP.

"Jumlah ini hanya akan dibayar kepada penuntut apabila mereka berumur 55 tahun," katanya.

Katanya lagi, sebelum ini, KWSP tidak boleh membayar kepada penuntut dan jumlah tuntutan hanya boleh dibayar sendiri oleh ahli apabila mereka mengeluarkan semua simpanan KWSP.